



27 Disember 2017
27 December 2017
P.U. (A) 416

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PELAPORAN MENGIKUT NEGARA) (PINDAAN) 2017

INCOME TAX (COUNTRY-BY-COUNTRY REPORTING) (AMENDMENT) RULES 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PELAPORAN MENGIKUT NEGARA)
(PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(c) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan mengikut Negara) (Pindaan) 2017**.

Pindaan am

2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan mengikut Negara) 2017 [P.U. (A) 357/2016], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “syarikat” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “entiti”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “Kumpulan MNC” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “Kumpulan MNE”.

Pindaan kaedah 2

3. Kaedah 2 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “kumpulan perbadanan multinasional” dengan perkataan “Kumpulan MNE”;

(b) dengan memotong perenggan (a);

(c) dengan memasukkan perkataan “dan” di hujung perenggan (b);

(d) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) mana-mana entiti konstituennya—

- (i) yang merupakan entiti pemegangan muktamad yang diperbadankan, didaftarkan atau ditubuhkan atau disifatkan diperbadankan, didaftarkan atau ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan bermastautin di Malaysia;
- (ii) yang diperbadankan, didaftarkan atau ditubuhkan atau disifatkan diperbadankan, didaftarkan atau ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau di bawah undang-undang suatu wilayah di luar Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
- (iii) yang merupakan entiti pemegangan pengganti yang diperbadankan, didaftarkan atau ditubuhkan atau disifatkan diperbadankan, didaftarkan atau ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan bermastautin di Malaysia; atau
- (iv) yang merupakan establismen tetap di Malaysia.”; dan

(e) dengan memotong perenggan (d).

Pindaan kaedah 3

4. Kaedah 3 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam takrif “kumpulan perbadanan multinasional”—

- (i) dengan menggantikan perkataan “kumpulan perbadanan multinasional” dengan perkataan “Kumpulan MNE”;

- (ii) dengan memotong perkataan “(selepas ini disebut sebagai “Kumpulan MNC”);
 - (iii) dalam teks bahasa kebangsaan—
 - (A) dengan menggantikan perkataan “perbadanannya” dengan perkataan “perusahaannya”; dan
 - (B) dengan menggantikan perkataan “perbadanan” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “perusahaan”; dan
 - (iv) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “corporation” dan “corporations” di mana-mana juga terdapat masing-masing dengan perkataan “enterprise” dan “enterprises”; dan
- (b) dalam takrif “syarikat pemegangan muktamad”, dengan memasukkan selepas perkataan “satu atau lebih entiti konstituen yang lain Kumpulan MNC itu” perkataan “dan tiada entiti konstituen yang lain Kumpulan MNE itu yang memiliki secara langsung atau tidak langsung suatu kepentingan dalam entiti konstituen yang mula-mula disebut itu”.

Pindaan kaedah 4

5. Kaedah 4 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “jika berlainan daripada wilayah bidang kuasa mastautin cukai itu, wilayah bidang kuasa yang di bawah undang-undangnya entiti konstituen itu diuruskan” dengan perkataan “wilayah bidang kuasa yang di bawah undang-undangnya entiti konstituen itu diperbadankan, didaftarkan atau ditubuhkan jika ia berlainan daripada wilayah bidang kuasa mastautin cukai itu”;